

Received: 21 November 2020; Accepted: 08 December 2020

Ketokohan dan Sumbangan Johan-johan Qari Tilawah al-Quran Peringkat Antarabangsa Malaysia di Malaysia dari Tahun 1961-1995

Ahmad Shafiq Mat Razali¹, Wan Hilmi Wan Abdullah² (Corresponding author), Wan Fakhru Razi Wan Mohammad³ & Wan Nasyrudin Wan Abdullah⁴

E-mel: ¹ahmadshafiq@kuis.edu.my; ²hjmicy@ukm.edu.my (corresponding author);
³wanfakhrurazi@kuis.edu.my & ⁴tokwe@ukm.edu.my

^{1&3}Pensyarah di Fakulti Pendidikan, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, KUIS

^{2&4} Pensyarah di Pusat Kajian al-Quran dan al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam,

Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

Abstrak

Kemunculan ramai tokoh-tokoh tarannum di Malaysia pada abad ke-21 telah banyak memberi sumbangan dan impak kepada perkembangan ilmu seni tarannum al-Quran di Malaysia. Kehebatan dan kemahiran mereka dengan memenangi pertandingan tilawah al-Quran peringkat antarabangsa berulang kali dan bacaan menjadi rujukan dan panduan hingga kini serta dapat melahirkan pelapis para qari yang sangat ramai yang turut menjuarai acara tersebut di pentas yang sama membuktikan kemampuan dan kebolehan sebenar mereka. Namun qari-qari tersebut tidak begitu dikenali secara dekat oleh kalangan qari dan qariah mahupun masyarakat umum. Objektif kajian ini akan menjelas kan biografi qari-qari yang memenangi tilawah al-Quran peringkat Antarabangsa di Malaysia dari tahun 1961-1995. Kajian ini juga menghurai sumbangan mereka dalam pengembangan ilmu tarannum di Malaysia khusus kepada para qari muda. Metodologi kajian ini adalah berbentuk kualitatif. Pengumpulan data diperolehi daripada sumber bahan-bahan dokumen seperti jurnal, artikel, bahan-bahan arkib dan temu bual bersama qari-qari. Data analisis secara deskriptif. Hasil kajian menemukan sepuluh orang qari yang berjaya dalam pertandingan tersebut telah memberikan sumbangan begitu besar dalam pengembangan ilmu seni tarannum di Malaysia. Implikasi kajian adalah melahirkan qari dan qariah pelapis yang mengungguli acara tilawah di pelbagai peringkat anjuran.

Kata kunci: qari, sumbangan, tarannum, tilawah.

The championship and contribution of Quranic reciters of Malaysian International Quran Recital Competition from 1961-1995

Abstract

The emergence of many Malaysian *tarannum* figures in the 21st century has given alot of contribution and impact to the development of Quranic *tarannum* knowledge in Malaysia. Their greatness and skills by winning the International Quran Recital Competition repeatedly and their recitations have been a reference and guide until now. Their influence also able to produce a large number of reciters who also won the event on the same stage proving their true abilities. However, these *tarannum* figures are not very well known by the new *qari* (male reciter) and *qariah* (female reciter) or the public. The objective of this study is to explain the biographies of the Malaysian reciters or *tarannum* figures who won the International Quran Recital Competition in Malaysia from 1961-1995. This study also describes their contribution in the development of *tarannum* knowledge in Malaysia specifically for new reciters. This study using qualitative research method. The data is obtained from the documents analysis such as journals, articles, archival materials and interviews with the *qari*. The data is then analysed descriptively. The results of the study showed that ten successful reciters in the competition have contributed a lot to the development of *tarannum* knowledge in Malaysia. The implication of the study is to produce the next generation of *qari* and *qariah* that excel in the Quranic recitation competitions at various stages.

Keywords: Quranic reciter, contribution, *tarannum*, *tilawah*.

1. Pengenalan

Di Malaysia terdapat ramai qari-qari yang berkecimpung dan terlibat dengan pertandingan tilawah al-Quran sama ada di peringkat daerah, jajahan, kebangsaan mahupun antarabangsa. Acara yang dipertandingkan saban tahun ini mendapat sambutan yang amat luar biasa dari kalangan para qari di seluruh Malaysia. Program tersebut adalah acara tahunan yang dianjurkan oleh jabatan Agama Islam Negeri dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia bertujuan menyemarakkan budaya membaca al-Quran dan memartabatkan syiar Islam di mata dunia. Ia merupakan acara yang telah mendapatkan pengiktirafan dari kerajaan Malaysia yang turut disertai oleh 100 buah negara Islam dan bukan Islam dari pelbagai negara.

Dalam acara itu, kerajaan telah menghantar dua orang peserta qari dan qariah bagi mewakili Malaysia ke pertandingan tersebut. Semenjak dari penganjuran pertama pada tahun 1961 sehingga tahun 1995, Malaysia telah memenangi pertandingan tersebut sebanyak 19 kali. Qari-qari yang mendapat tempat pertama pada acara berprestij itu adalah Haji Ahmad bin Mat Som pada tahun 1961, Haji Mohammad Yusof bin Abdullah tahun 1962, Haji Hassan bin Musa tahun 1964, Dato' Haji Isma'il bin Hashim tahun 1965, 1966, 1969, 1970, 1971, 1974 dan 1975, Haji Abdul Majid bin Haji Awang tahun 1966, Haji Abdul Hak @ Abdul Ghani bin Abdullah, 1967, 1972 dan 1980), Haji Saidin bin Abdul Rahman tahun 1968), Haji Nordin bin Idris tahun 1985, Haji Muhammad Yusuf tahun 1991 dan Haji Abdul Rahim bin Ahmad tahun 1994 dan 1995 (JAKIM, 2007).

Kejayaan mereka telah mendapat pengiktirafan dari kerajaan Malaysia apabila Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak mengumumkan bayaran insentif tetap seumur hidup RM2,000 setiap bulan kepada qari dan qariah Malaysia yang pernah menjadi johan tilawah al-Quran peringkat Antarabangsa menghargai jasa dan sumbangan. Insentif itu membabitkan 23 individu iaitu sembilan qari dan 14 qariah yang menjadi johan pertandingan itu sejak 1961m (Arkib Mstar.com 2010).

Qari-qari telah memberi sumbangan yang amat besar dalam bidang seni tarannum. Antara sumbangan mereka ialah melahirkan qari-qari pelapis yang turut berjaya dalam pertandingan tilawah di peringkat kebangsaan dan antarabangsa seperti Mohamad Hussin Mohamad Yunus tahun 1997, Che Yahaya Daud tahun 1999, Radzi Kamarul Hailan tahun 2000, Dato' Ahmad Faizul Ghazali tahun 2003 dan Aziz Mustakim tahun 2007. Manakala peserta qariah pula ialah Dato' Faridah Mat Saman tahun 1964, 1965, 1972, 1976, 1977, 1989, 1990 dan 1991, Siti Noor Ismail tahun 1966, Rodziah Abd. Rahman tahun 1967, Rahmah Abd. Rahman tahun 1968, Nursiah Ismail tahun 1975, Sapinah Mamat tahun 1981, Rahmas Abdullah 1982, 1984, 1985, 1992 dan 1995, Aminah Omar tahun 1983, Pasiyah Hashim tahun 1988 dan 2001, Umi Kalthom Mohd Zain tahun 1994 dan Sepiah Mohamad 1998 dan Maznah Awang tahun 1999 (JAKIM, 2007).

Qari-qari juga telah mendapat pengiktirafan dari kerajaan atas sumbangan yang diberikan. Sebilangan mereka menerima pangkat dato', pingat oleh Yang di-Pertuan Agong Malaysia, Kesatria Mangku Negara (KMN), pingat oleh Sultan-sultan negeri dan Pingat Jasa Bakti (JB) (Wan Hilmi, 2014: 27).

Para qari juga di undang oleh kerajaan luar untuk memperdengarkan bacaan al-Quran seperti di Maghribi, Pakistan, Brunei, Singapura dan Iran sebagai qari jemputan. Mereka juga dilantik sebagai hakim dalam pertandingan hafazan dan tarannum peringkat Kebangsaan dan Antarabangsa, dilantik sebagai jurulatih peserta tilawah al-Quran, pembimbing, fasilitator dan panel kurus tahsin al-Quran dan juga dilantik sebagai karyawan tamu di institusi pengajian awam (Wan Hilmi, 2014: 227).

Justeru, sumbangan gigih daripada qari-qari telah membawa nama Malaysia sebagai sebuah negara yang terkenal dengan kehebatan para qari dalam platform seni tarannum al-Quran. Segala bimbingan dan tunjuk ajar telah melahirkan para qari dan qariah yang mengikuti jejak langkah mereka dengan menjuarai pertandingan di pelbagai peringkat anjuran.

Kajian ini akan mengenal pasti biografi qari-qari antarabangsa daripada tahun 1961 hingga 1995 serta sumbangan mereka dalam industri tilawah al-Quran di Malaysia. Kajian juga menganalisis pengiktirafan dan anugerah yang diberikan oleh kerajaan Malaysia sehingga mereka dinobatkan sebagai tokoh qari ulung yang pernah dilahirkan di bumi Tanah Melayu.

2. Biografi Qari-qari Antarabangsa Tahun 1961-1995

Berikut adalah qari-qari yang memenangi dan mengharumkan nama Malaysia dalam pertandingan tilawah al-Quran peringkat Antarabangsa pada tahun 1961 hingga 1995.

Haji Ahmad bin Mat Som Tahun 1961

Beliau ialah Haji Ahmad bin Mat Som, lahir pada tahun 1915 di Kampung Jaber, Mukim Labok, Bongor, Jeli, Kelantan. Haji Ahmad atau lebih terkenal dengan gelaran Haji Ahmad Pergau atau “Mat Som Pergau” atau “Tok Pergau” adalah tokoh qari yang sangat mahir dalam bidang tarannum di Malaysia. Gelaran itu diperolehi semasa beliau menuntut ilmu Quran di Makkah (Ermy Azziaty & Mohd Samsuddin 2005).

Haji Ahmad adalah anak ketiga daripada empat orang adik beradik, hasil perkongsian hidup ayahnya, Mat Som bin Abdul Rahman bersama Khaltom. Bapa beliau adalah seorang yang berperwatakan tegas semenjak dari kecil lagi dan beliau banyak melatih Mat Som Pergau dalam ilmu-ilmu al-Quran termasuk tarannum. Justeru, dengan didikan dan tunjuk ajar langsung daripada ayahnya, Haji Ahmad Mat Som terukir sebagai seorang tokoh qari terbilang di zamannya khususnya ilmu tarannum di Malaysia (Wan Fakhru Razi 2008).

Pada tahun 1938, Haji Ahmad Mat Som telah bermusafir ke timur tengah untuk menimba ilmu pengetahuan. Pemergian beliau adalah dorongan dan nasihat daripada Raja Kelantan pada ketika itu agar anak tempatan dapat meneroka sebanyak mana ilmu al-Quran daripada tokoh-tokoh qari Mesir. Dalam kesempatan itu, beliau mengambil peluang bertemu dan talaqi dengan qari-qari terbilang negara Mesir seperti Shaykh Mustafa Isma'il (Wan Fakhru Razi: 2008).

Antara kelebihan Haji Ahmad Mat Som ialah penguasaan bacaan al-Quran mengikut *lahjah arabiyah* yang sempurna. Wan Hilmi (2014: 214) menjelaskan bahawa bacaan al-Quran oleh Haji Mat Som adalah menepati dengan maksud ayat dan mahir kawalan suara serta memenuhi kehendak bacaan *berlahjah 'arabiyah*. Beliau mempunyai kelebihan yang memiliki penguasaan al-Quran yang tersangat baik sehinggakan beliau mendapat markah sebanyak 99%. Bacaan beliau juga terkesan dengan kaedah bacaan daripada qari terkenal Mesir, Syekh Mustafa Isma'il (Wan Hilmi, 2020: 126).

Haji Ahmad Mat Som turut berpeluang untuk belajar al-Quran secara bertajwid dan bertarannum bersama Haji Pak Muda @ Haji Ahmad bin Muhammad, Haji Ahmad al-Hafiz, Haji Abdullah bin Senik, Haji Mahmud bin Usman dan Haji Nik Mahmud (Ermy Azziaty & Mohd Samsuddin 2005: 185).

Pada tahun 1987, Haji Ahmad mengalami komplikasi penyakit kencing manis dan darah tinggi menyebabkan beliau menemui ajal dan meninggal dunia pada usia 71 tahun di Kampung Banggol, Mukim Tok Jiring, Kuala Terengganu. Jenazah beliau selamat dikebumikan di Tanah Perkuburan Islam Kampung Banggol Air Leleh, Batu 6, Kuala Terengganu (Wan Fakhru Razi 2008).

Haji Mohammad Yusof bin Abdullah Tahun 1962

Haji Muhammad Yusof bin Abdullah dilahirkan pada tahun 1924 di kampung Kubang Gatal, berhampiran dengan kampung Slow Machang, Pasir Mas, Kelantan. Beliau mula berguru dan bertalaqi al-Quran seawal usia kanak-kanak lagi dengan ayah dan ibunya. Ketika berusia 16 tahun, Haji Yusof mula memberi perhatian mendalam ilmu al-Quran serta berguru bersama Haji Pak Muda di kampung Lemal, Pasir Mas Kelantan. Beliau juga mempelajari disiplin seni tarannum al-Quran bersama Tuan Haji Mohd Yusof Kedondong yang suatu ketika dahulu terkenal dengan gelaran ‘qari sultan’ (Muhammad Yusoff 1991: 92).

Pada tahun 1962, Haji Yusof mula menyertai pertandingan tilawah al-Quran dan berjaya menyanggah johan dalam pertandingan Musabqah Tilawah al-Quran Peringkat Antarabangsa Malaysia. Dengan demikian, beliau telah ditawarkan dengan jawatan sebagai Imam di Masjid Putih Kuala Terengganu oleh Sultan Terengganu. Pada tahun 1967 hingga 1972, beliau telah berpindah ke Pahang dan berkhidmat sebagai guru al-Quran di bawah kelolaan Kerajaan Negeri Pahang. Pada tahun 1977, beliau sekali lagi berhijrah ke Kuala Lumpur kerana ditugaskan pula sebagai Imam di Masjid Negara, Kuala Lumpur (Muhammad Yusoff 1991: 92).

Sumbangan Haji Yusof dalam arena tilawah al-Quran ini amat besar jasanya. Antaranya beliau dilantik sebagai hakim Tilawah al-Quran peringkat Negeri dan pernah di undang ke Labuan, Sabah. Beliau juga turut menerima jemputan luar Negara seperti Bangkok, Thailand untuk berkhidmat sebagai hakim tilawah al-Quran bagi negara tersebut. Di samping itu, beliau juga di undang ke Istana Balai Besar, Istana Jahar dan Istana Sri Cemerlang (Istana Chempaka) atas undangan Y.A.M Sultan bagi mempersembahkan alunan bacaan al-Quran. Atas sumbangan dan jasa tersebut, Y.M Sultan Kelantan telah perkenan menganugerahkan beliau dengan Pingat Ahli Kelantan (A.K).

Haji Hassan bin Musa Tahun Tahun 1964

Beliau ialah Haji Hassan bin Musa yang merupakan anak jati kelahiran negeri Kelantan dari kampung Pondok Lubuk Tapah, Pasir Mas, Kelantan. Beliau lahir pada 2 Januari 1942. Hasil perkongsian hidup bersama Hajah Che Rahmah bin Ahmad, beliau dikurnia dengan tujuh orang anak. Sekarang beliau menetap di Taman Seri, Pengkalan Chepa, Kota Bharu, Kelantan (Wan Hilmi 2014: 216).

Haji Hassan Musa mendapat pendidikan awal seusia umur enam tahun apabila bapa tirinya menghantar beliau mempelajari ilmu al-Quran dengan Hajah Nik Zainab binti Haji Nik Mahmud selama kurang dari tiga tahun sebelum berguru bersama Haji 'Abdul Rahman bin Haji Ngah (Wan Hilmi 2014: 217).

Pengalaman dan kemahiran yang dimiliki Haji Hassan Musa dalam seni ini dipraktikkan kembali kepada pelapis qari tanah air sama ada dari anak tempatan Kelantan mahupun dari luar Kelantan. Khidmat dan bakti beliau dalam usaha melahirkan para qari hebat dalam kalangan masyarakat tidak dapat disangkal lagi. Sumbangan paling besar beliau ialah mengajar al-Quran bukan sahaja dalam negeri Kelantan, bahkan pelusuk Malaysia termasuk Sabah, Sarawak dan negara-negara Asean seperti Singapura. Bacaan Hj. Hasan Musa terkesan dengan bacaan Syeikh Mustafa Isma'il yang banyak berinspirasi dari Syeikh Muhammad Rif'at (Wan Hilmi etl. 2014: 2172).

Beliau juga dilantik sebagai hakim bagi Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Negeri Kelantan, hakim Tilawah al-Quran Peringkat Kebangsaan Malaysia dan Singapura dan hakim Tilawah al-Quran peringkat Antarabangsa di bawah kelolaan Kerajaan Libya pada tahun 1978. Sehingga kini, terdapat ramai anak murid beliau yang turut sama melakar nama di Majlis Tilawah al-Quran peringkat Antarabangsa antaranya ialah Haji Noordin bin Idris, Haji Mohammad bin Haji Yusuf, Ustaz Yahaya Daud, Hajah Faridah binti Mat Saman, Hajah Setina binti Isma'il, Hajah Rahmas binti 'Abdullah dan Hajah Sapinah binti Mamat (Wan Hilmi. 2014: 224).

Pada tahun 1964, Kerajaan Negeri Kelantan telah menganugerahkan beliau dengan pingat bintang Ahli Kelantan (AK) di atas sumbangan dan bakti dalam perjuangan memartabatkan al-Quran di persada Asean (Ahmad Shafiq etl. 2018: 6).

Dato' Haji Isma'il bin Hashim Tahun 1965, 1966, 1969, 1970, 1971, 1974 dan 1975

Beliau ialah Dato' Haji Isma'il bin Hashim, merupakan satu nama yang tidak asing lagi bagi dunia tilawah al-Quran di Malaysia. Beliau lahir pada 11 Mac 1932 di Jerlun, Kedah dan telah mendapat pendidikan awal di Sekolah Melayu Kedawang, Langkawi sehingga tamat darjah tiga sahaja. Seterusnya pada tahun 1942, beliau meneruskan pelajaran di Sekolah Melayu Air Hitam, Kubang Pasu dan pada tahun 1947, di Maktab Mahmud, Alor Setar, Kedah (JAKIM: 2007: 13). Sebaik sahaja tamat pengajian di Maktab Mahmud, beliau ditugaskan dengan memegang jawatan sebagai guru agama di Sekolah Kebangsaan Yan, Kedah dan kemudian dinaikkan jawatan sebagai nazir bagi sekolah-sekolah sehinggalah bersara pada tahun 1988 (Ahmad Shafiq etl. 2016: 6-7).

Bakat dan minat Dato' Isma'il dalam bidang seni tarannum al-Quran telah digilap oleh bapanya sendiri, kemudian dimantapkan lagi oleh beberapa tokoh al-Quran pada zaman itu seperti Lebai Ibrahim, Ustaz Haji Hashim Musa dan Shaykh Ibrahim al-Ibyari dari Mesir (JAKIM: 2007: 15). Pada tahun 1960, beliau telah berjaya merangkul juara dalam tilawah al-Quran peringkat Kebangsaan dan Antarabangsa. Beliau juga berjaya melakar nama sebagai salah seorang qari tanah melayu yang pernah menjadi johan dalam tilawah al-Quran sebanyak sembilan kali di peringkat kebangsaan dan lapan kali di peringkat Antarabangsa. Justeru, beliau pernah di undang ke Thailand pada tahun 1963, Sudan pada tahun 1966, Mesir pada tahun 1976 dan lain-lain lagi (JAKIM: 2007: 18).

Bagi menghargai jasa dan sumbangan beliau dalam sebaran ilmu al-Quran serta mengharumkan nama negara, maka Y.T.M. Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong telah mengurniakkannya pingat Johan Setia Mahkota (JSM) dan Ahli Mangku Negara. Beliau turut dianugerahkan Pingat Setia Diraja Kedah (SDK) Perkhidmatan Setia Kedah (PSK), Dato' Setia Diraja Kedah (DSDK) dan Pingat Jasa Kebaktian (PJK) oleh Sultan Kedah dan Raja Perlis yang membawa gelaran Dato' (Ahmad Shafiq etl. 2016: 7).

Haji Abdul Majid bin Haji Awang Tahun 1966

Beliau ialah Abdul Majid bin Awang, berasal dari kampung Apa-apa, daerah Bunut Susu, Pasir Mas, Kelantan. Ayahandanya iaitu Haji Awang bin Musa merupakan lebai kampung dan amat disegenai. Hasil perkongsian hidup bersama Hajah Sepiah, Haji Abdul Majid dikurniakan tiga orang anak. Minat beliau dalam seni tarannum

al-Quran sejak kecil lagi adalah amat tinggi. Hal ini kerana beliau sering mendengar arwah ayahandanya mengalunkan bacaan al-Quran dan qasidah di rumah beliau sendiri. Ayahanda beliau iaitu Haji Awang bin Musa juga merupakan qari tersohor di kampung tersebut suatu ketika dahulu (JAKIM, 2007).

Oleh kerana minat beliau begitu mendalam dalam bidang tarannum, maka ayahandanya telah membawa Haji Abdul Majid untuk menimba ilmu dengan tokoh tarannum tersohor pada waktu tersebut iaitu Haji Mat Som Pergau. Di samping itu, beliau turut dibawa oleh ayahandanya untuk berguru dengan Haji Yusuf Kedondong yang bertugas sebagai bilal di Masjid Muhammadi.

Haji Abdul Majid mula berjinak dalam dunia pertandingan tilawah al-Quran sezaman dengan Dato' Isma'il Hashim, Haji Hassan bin Musa, Hajjah Faridah dan ramai lagi. Namun, pada tahun 1966, nasib menyebelahi beliau setelah berjaya menjadi johan qari dalam pertandingan membaca al-Quran peringkat Kebangsaan dan Antarabangsa. Beliau telah menerima beberapa hadiah termasuk menunaikan fardhu haji ke Mekah secara percuma oleh Kerajaan Malaysia. Pada tahun itu juga beliau berangkat menunaikan fardhu haji melalui jalan laut (JAKIM, 2007).

Haji Abdul Majid menghembuskan nafas terakhir pada tanggal 19 Mac 1966. Peristiwa tersebut berlaku di atas kapal ketika dalam perjalanan menunaikan haji melalui laluan Laut Merah pada usia yang masih muda (JAKIM, 2007).

Haji Abdul Hak @ Abdul Ghani bin Abdullah Tahun 1967, 1972, 1980, 1982

Haji Abdul Ghani atau nama sebenarnya Haji Abdul Hak @ Abdul Ghani bin Abdullah yang dilahirkan pada 15 Jun 1942 di Kampung Batu Hampar, Pendang, Kedah. Pendidikan awal beliau bermula di Sekolah Melayu Pendang dan kemudiannya di Pondok Kampung Batu Hampar, Pendang Kedah. Setelah tamat pengajian, beliau bertugas di Jabatan Zakat negeri Kedah sebagai Penyelia Zakat. Hasil Perkongsian hidup dengan isterinya Hajah Zuhairiah bt Mahamud, beliau dikurniakan 6 orang cahaya mata (JAKIM: 2007: 28).

Haji Abdul Hak atau lebih dikenali dengan panggilan Abd Ghani telah mula mempelajari al-Quran sejak dari kecil lagi. Beliau menemui beberapa orang guru al-Quran yang masyhur pada zaman itu seperti Ustaz Kamaluddin bin Saad, Tuan Haji Abdul Samad, Dato Isma'il Hashim dan ramai lagi untuk meneruskan minat dan niat mendalami ilmu al-Quran. Berkat kesungguhan dan ketekunan dalam menuntut ilmu al-Quran telah membuahkan hasil apabila beliau berjaya mendapat johan qari dalam majlis tilawah al-Quran peringkat Kebangsaan sebanyak lima kali dan peringkat Antarabangsa sebanyak empat kali (JAKIM: 2007: 28).

Haji Abdul Hak turut di undang untuk memperdengarkan bacaan ayat-ayat suci al-Quran di dalam dan luar negara antaranya ialah di Indonesia dan Arab Saudi. Menghargai sumbangan dan jasa beliau, maka Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong telah berkenan mengurniakan pingat Ahli Mangku Negara (AMN), pingat Setia Diraja Kedah (SDK) dan Bintang Kebaktian Masyarakat (BKM) dari Sultan Kedah (JAKIM: 2007: 30).

Haji Saidin bin Abdul Rahman Tahun 1968

Haji Saidin bin Abdul Rahman dilahirkan pada 1920 di Kampung Permatang Kerai Besar, Kepada Batas, Seberang Perai Pulau Pinang. Beliau memiliki enam orang cahaya mata hasil perkongsian hidup dengan Che' Jam binti Salleh (JAKIM: 2007: 24).

Haji Saidin mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Ara Rendang, Pokok Sena, Kepala Batas. Kemudian meneruskan pengajian di peringkat tinggi di Madrasah al-Khairiah al-Islamiah Pondok Haji Ahmad Tuan Hussin atau kini lebih dikenali dengan nama Pondok Pokok Sena, Kepala Batas, Pulau Pinang. Di Madrasah tersebut, beliau mula berjinak-jinak untuk mendalami ilmu al-Quran khususnya dalam bidang tarannum al-Quran. Beliau telah bertalaqi al-Quran secara tarannum melalui perantaraan Haji Ahmad Tuan Husin dan Haji Wahab ketika berusia 11 tahun. Selain daripada itu, beliau juga berguru dengan qari terkenal, Haji Ahmad Mat Som Pergau dalam memahami selok belok seni tarannum tersebut (JAKIM: 2007: 23).

Pada tahun 1960, Haji Saidin mula menceburkan diri dalam pertandingan tilawah al-Quran berlagu. Haji Saidin berjaya untuk mewakili negeri Pulau Pinang ke Musabaqah Tilawah al-Quran peringkat Kebangsaan. Akhirnya pada tahun 1967, beliau dinobatkan sebagai johan dalam tilawah al-Quran peringkat Kebangsaan dan kemudian pada tahun 1968 sebagai johan pada tilawah peringkat Antarabangsa Malaysia

(JAKIM: 2007: 23).

Ketekunan dan kesungguhan Haji Saidin dalam memelopori bidang seni tarannum telah melahirkan ramai qari dan qariah pelapis. Antaranya ialah Hajah Radziah binti Abdul Rahman (Johan Tilawah al-Quran peringkat Kebangsaan dan Antarabangsa 1967, 1970 dan 1971), Awang bin Damit, Hajah Rohani binti Daud dan Khadijah binti Awang. Anak-anak beliau yang mewarisi bakat dalam bidang tarannum ialah Haji Darus, Che Noliah, Haji Abdu Bakar dan Haji Sabri (JAKIM: 2007: 26).

Pada 29 September 1983, beliau telah menghembuskan nafas terakhir di Hospital Seremban akibat daripada serangan jantung.

Haji Nordin bin Idris Tahun 1984

Beliau ialah Noordin bin Idris, lahir pada 24 Februari pada tahun 1957 di kampung Tok Burong, Perupok, Bachok, Kelantan. Beliau yang merupakan anak jati kelahiran negeri Kelantan telah mendapat didikan agama daripada kedua ayah dan ibunya iaitu Haji Idris bin Daud dan ibunya Saodah binti Saman ketika masih kecil lagi. Bakat dan kebolehan beliau dalam bertarannum telah dikesan semenjak kecil. Dengan bimbingan dan tunjuk ajar daripada bapanya, beliau mula mengikuti acara pertandingan tilawah al-Quran yang dianjurkan sebagai persiapan untuk pematapan diri dalam bacaan (Jakim, 2007; Wan Hilmi, 2014: 13).

Perkembangan ilmu tarannum Hj. Nordin semakin rancak apabila beliau mula berlatih dengan Haji Hasan Musa. Kualiti mutu bacaan beliau telah meningkat naik dari semasa ke semasa. Maka pada tahun 1984, beliau telah dinobatkan sebagai johan dalam Musabaqah Negeri Kelantan (1984), Johan Kebangsaan (1984, 1985) dan Johan Antarabangsa (1985). Rentetan daripada kejayaan itu, beliau di undang ke Tehran dan Amerika Syarikat untuk membuat persembahan bacaan al-Quran. Beliau juga pernah alunkan bacaan ayat suci al-Quran semasa mengerjakan haji pada tahun 1987 di Padang Arafah oleh jemaah Haji Malaysia (Ahmad Shafiq Mat Razali etl. 2016: 11).

Bertugas sebagai bilal di Masjid Negeri Kelantan iaitu Masjid Muhammadi, Kota Bharu telah memudahkan bagi Hj. Nordin untuk berkenalan dengan masyarakat terutama dalam menyebarkan ilmu al-Quran. Beliau kini lebih memberi tumpuan dengan mengajar tajwid kepada masyarakat di mana rumahnya sebagai pusat talaqi al-Quran yang diadakan pada setiap pagi ahad. Beliau juga turut menerima undangan dan jempunan dari pelbagai pihak bagi tujuan tersebut (Ahmad Shafiq etl. 2016: 11).

Haji Muhammad Yusuf Tahun 1991

Haji Mohammad bin Haji Yusuf atau lebih dikenali dengan panggilan ‘Ustaz Mad qari’ kerana kebolehan dalam bidang seni tarannum al-Quran. Beliau lahir pada 11 November 1951 di Kampung Kubang Bemban, Pasir Mas, Kelantan. Kemahiran beliau dalam bidang tarannum dikatakan mewarisi daripada ayahanda beliau iaitu Haji Yusuf bin Haji Bulat yang dikenali sebagai Haji Yusuf Kedondong. Gelaran kedondong adalah bersempena dengan nama kampung tempat tinggal beliau iaitu Kampung Kedondong, Pasir Mas, Kelantan. Ayahanda Ustaz Mohammad merupakan qari istana iaitu gelaran yang diberikan kepada mana-mana qari yang sentiasa menerima jemputan daripada pihak istana. Ibunya iaitu Mariah binti Ismail juga merupakan seorang qari terkenal pada waktu tersebut sezaman dengan Hajah Che’ Yam, ibu kepada Hajah Faridah binti Mat Saman. Pada tahun 1980, beliau telah menamatkan zaman bujang dengan Che’ Salma binti Mat Saman dan dikurniakan lapan orang cahaya mata (Jakim, 2007).

Pendidikan awal Ustaz Muhammad bermula pada tahun 1959 di Sekolah Rendah Kebangsaan Kubang Bemban, Pasir Mas, Kelantan. Kemudian meneruskan pengajian ke Maahad Muhammadi Lelaki sehingga tamat pengajian di peringkat Sijil Tinggi U gama. Pada tahun 1975 hingga 1976, beliau menyambung pengajian di Maktab Pengajian Ilmu Khas dalam bidang pendidikan. Setelah tamat pengajian, beliau berkhidmat sebagai guru di beberapa buah sekolah antaranya ialah Sekolah Menengah Telok Chengai Lelaki, Kuala Kedah, Sekolah Menengah Kedai Buloh, Maahad Muhammadi Perempuan dan Sekolah Menengah Kebangsaan Falahiyah di Kota Bharu Kelantan. Pada tahun 1989, beliau melanjutkan pengajian di peringkat ijazah di Universiti Kebangsaan Malaysia dan tamat pada tahun 1992 (Jakim, 2007).

Pada tahun 1990, Haji Mohammad telah memperolehi tempat ketiga dalam pertandingan tilawah al-Quran di negara-negara Asean seperti Bangkok dan pada tahun 1994 dan tempat keempat dalam majlis tilawah al-Quran anjuran kerajaan Republik Iran (Jakim, 2007).

Dengan kejayaan dan pencapaian tersebut, Haji Mohammad telah mendapat pengiktirafan yang tinggi sama ada daripada dalam negeri mahupun luar negara. Beliau dijemput oleh pelbagai pihak untuk mengalunkan bacaan ayat suci al-Quran, antaranya ialah Majlis Muzakarah antara Ulama' Seluruh Dunia di Istana Raja Hassan, Maghribi dan di Cape Town Afrika Selatan. Beliau juga diberi kepercayaan untuk menjadi hakim dalam Musabaqah Mahasiswa Universiti Alighat dari India (Jakim, 2007).

Usaha dan pengorbanan Haji Mohammad dalam mengajar al-Quran kepada masyarakat amat dihargai apabila beliau dikurniakan pingat Ahli Mangku Negara oleh Yang di-Pertuan Agong, Seri Paduka Baginda, Sultan Azlan Shah. Beliau telah menghembuskan nafas yang terakhir pada tahun 2004 di kediaman barunya di Kampung Kutan Tengah, Pasir Mas, Kelanta (Jakim, 2007).

Haji Abdul Rahim bin Ahmad Tahun 1994 dan 1995

Nama sebenar ialah Abdul Rahim bin Ahmad, lahir pada 31 Disember 1951 (JAKIM 2007: 68). Beliau berasal dari Kampung Cerang Nibong, Pattani, Thailand (Wan Hilmi 2014: 217). Nama bapa ialah Haji Ahmad bin Haji Ibrahim, manakala ibu pula Zawariyah binti Yusof. Hidup beliau dalam kesempitan menyebabkan beliau berpindah ke Kampung Banggol Kulim, Rantau Panjang, Kelantan kerana mengikuti bapanya yang berniaga di sempadan Thailand (Wan Hilmi: 2014: 224).

Haji Abdul Rahim mendapat pendidikan awal pada sekitar tahun 60-an di Madrasah Arab Muassasah al-Thaqafah al-Islamiyyah di Ponbeng, Thailand. Penglibatan beliau dalam dunia tilawah al-Quran bermula sejak usia 15 hingga 16 tahun. Beliau sempat berguru dengan Haji Ahmad Syukri bin Haji Soleh yang merupakan qari dari negara Thailand. Beliau sempat belajar tarannum dengan Haji Ahmad Syukri hanya satu surah sahaja iaitu dari awal surah al-Maidah, tetapi berjaya menguasai tujuh lagu asas (Wan Hilmi 2014: 225).

Haji Abdul Rahim seterusnya bertemu dengan Tuan Haji Ahmad Mat Som untuk meneruskan lagi pembelajaran al-Quran bertarannum beliau. Pada waktu tersebut umur beliau dalam lingkungan 27 tahun dan selama tempoh 12 tahun mendapat bimbingan daripada Tuan Haji Mat Som telah dimanfaatkan sebaik mungkin sehinggalah beliau dapat menguasai bacaan al-Quran bertarannum. Pada ketika itu, beliau berulang alik setiap malam dengan berbasikal dari rumahnya ke rumah Tuan Haji Mat Som yang terletak di berdekatan bandar Pasir Mas (Wan Hilmi 2014: 226).

Berkat usaha yang bersungguh-sungguh dari guru serta kedua orang tuanya, Haji Abdul Rahim telah berjaya menyandang johan dalam Musabaqah Tilawah al-Quran Peringkat Antarabangsa pada tahun 1994 dan 1995. Dengan kejayaan tersebut, beliau dijemput ke serata dunia seperti Libya, Morocco, Pakistan, Brunei, Thailand, Singapura, Maldives dan lain-lain lagi. Beliau mendapat pengiktirafan oleh kerajaan Morocco dengan penerimaan watak sivil penghargaan oleh Sultan Hassan Sani dan pada tahun 2011. Beliau juga diberi kepercayaan oleh kerajaan Maldives sebagai hakim dalam pertandingan Tilawah dan Hafazan Peringkat Antarabangsa Negara Maldives pada tahun (Wan Hilmi 2014: 227).

Jasa dan sumbangan Haji Abdul Rahim dalam dunia tilawah al-Quran di Malaysia adalah sangat besar. Justeru, Duli Yang Maha Mulia Sultan Kelantan, Tuanku Isma'il Petra telah berkenan memberi pingat Jasa Bakti (JB), manakala pingat Kesatria Mangku Negara (KMN) dianugerah oleh Yang Dipertua Agong pada tahun 1995 (Wan Hilmi 2014: 227).

3. Sumbangan Qari-qari Antarabangsa

Sejarah pembelajaran tarannum bermula di masjid-masjid, surau-surau dan kediaman-kediaman individu telah menyaksikan pengajian ilmu seni tarannum hidup subur dan aktif sehingga melahirkan para qari dan qariah yang mahir dan berkebolehan dalam seni bacaan tersebut. Menurut Noornajihan (2011:15), ilmu tarannum diajar secara bertalaqi dengan guru-guru tarannum al-Quran di rumah-rumah, surau-surau atau masjid-masjid.

Qari tersohor, Haji Abdul Rahim menjelaskan bahawa surau dan masjid sebagai tempat utama untuk mengajar dan melatih para qari dan qariah di mana kelas akan bermula selepas solat 'Isya' dan tamat setelah para qari dan qariah selesai mendengarkan alunan al-Quran. Menurut beliau lagi, masjid sebagai tempat untuk mengajar seni tarannum al-Quran secara talaqi dan *musyafahah* sebagaimana yang dilakukan oleh Rasulullah s.a.w dengan malaikat Jibril a.s ketika menghafal al-Quran. Faktor tempat yang selesa dan suasana yang aman sangat membantu demi memastikan pembelajaran ilmu tarannum berkesan dan mudah difahami. Dalam hal ini, faktor pemilihan masjid sebagai tempat untuk belajar tarannum adalah sangat baik kerana ia merupakan

rumah ibadah dan tempat suci bagi umat Islam. Ia penuh dengan keberkatan dan rahmat dari Allah s.w.t untuk melahirkan para qari dan qariah yang hebat dan ramai di Malaysia (Ahmad Shafiq Mat Razali, 2018: 2).

Haji Hassan Musa juga menjadikan masjid sebagai tempat untuk menyampaikan kuliah dan syarahan tentang seni tarannum. Dengan masa yang amat singkat iaitu selama dua jam selepas solat 'Isya', tidak banyak topik yang dapat dikongsi dengan para hadirin, melainkan kandungan yang asas sahaja (Ahmad Shafiq Mat Razali, 2018: 2).

Masjid-masjid yang menjadi tumpuan utama kepada pembelajaran tarannum di Malaysia ialah Masjid as-Syakirin KLCC Kuala Lumpur, Masjid Sultan Isma'il Petra Kubang Kerian, Kelantan, Masjid Kampung Raja, Besut Terengganu, Masjid Kampung Selising Pasir Puteh, Kelantan, yang dibimbing oleh Tuan Haji Abdul Rahim Ahmad (Khalis Isa: 2011: 75).

Haji Hassan Musa banyak menghabiskan masa dengan mengajar tarannum di Masjid as-Salam, Pengkalan Chepa, Kota Bharu, Masjid Bandar Tumpat dan Masjid Jamek, To' Uban (Wan Hilmi, 2014)

Aktiviti pengajian tarannum di masjid telah menjadi medan utama pengajaran dan pembelajaran kepada masyarakat. Berikut adalah tugas rasmi tokoh-tokoh tarannum tersebut;

Bil	Nama Qari	Tugas Hakiki	Sumbangan	Pengiktirafan/ Anugerah
1	Haji Ahmad bin Mat Som	Pekerja di Istana Arab Saudi. Pegawai Agama Majlis Agama Islam Kelantan (MAIK) pada tahun 1977. Nazir guru-guru al-Quran sehingga tahun 1983. Pegawai Kerajaan Negeri Terengganu pada tahun 1987.	Panel kursus tahsin negeri Kelantan . Jurulatih peserta qari dan qariah negeri Kelantan tahun 1960-an hingga 1987. Hakim Tilawah negeri Kelantan, kebangsaan dan Antarabangsa Malaysia tahun 1967.	Penghargaan daripada Sheikhul al-Azhar berupa sebuah Mashaf berukiran.
2	Haji Mohammad Yusof bin Abdullah	Imam Masjid Putih, Kuala Terengganu – 1962 Guru al-Quran Kerajaan Negeri Pahang - 1967. Imam Masjid Negara – 1977.	Panel kursus tahsin al-Quran di negeri Pahang, Terengganu, dan Masjid Negara. Panel kursus tahsin al-Quran New Straight Times Press (NSTP). Hakim Majlis Tilawah al-Quran Hakim Tilawah al-Quran anjuran NSTP dan TV3. Hakim Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Kebangsaan. Hakim Tilawah al-Quran Thailand.	Anugerah Pingat Ahli Kelantan (AK) oleh Sultan Kelantan pada tahun 1962.
3	Haji Hassan bin Musa (1964)	Imam, Majlis Ugama Islam Kelantan.	Panel kursus tahsin Negeri Kelantan. Jurulatih peserta qari dan qariah negeri Kelantan. Panel halqah al-Quran Singapura. Hakim Tilawah Negeri Kelantan.	

			Hakim Tilawah Kebangsaan Malaysia.	
4	Dato' Haji Ismail bin Hashim	Guru agama di Sekolah Kebangsaan Yan, Kedah. Nazir bagi sekolah-sekolah sehinggalah bersara pada tahun 1988.	Qari Jemputan dari Thailand pada tahun 1963. Qari Jemputan dari Sudan pada tahun 1966. Qari jemputan oleh Mesir pada tahun 1976.	Pingat Johan Setia Mahkota (JSM) dan Ahli Mangku Negara oleh Y.T.M. Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong telah mengurniaknya. Pingat Setia Diraja Kedah (SDK) Perkhidmatan Setia Kedah (PSK). Dato' Setia Diraja Kedah (DSDK). Pingat Jasa Kebaktian (PJK) oleh Sultan Kedah dan Raja Perlis yang membawa gelaran Dato'.
5	Haji Abdul Majid bin Haji Awang	Imam Masjid Daerah Tumpat. Tukang Kayu		Anugerah bintang Ahli Kelantan (AK) pada tahun 1967.
6	Dato' Haji Abdul Hak @ Abdul Ghani bin Abdullah	Penyelia Zakat, Jabatan Zakat negeri Kedah.	Panel Kursus Tahsin Negeri Panel Jurulatih Peserta Qari dan Qariah Kebangsaan Qari Jemputan di Negara Indonesia dan Arab Saudi pada tahun 1969.	Pingat Ahli Mangku Negara (AMN). Darjah Dato' Setia Diraja Kedah (SDK) tahun 2011. Bintang Kebaktian Masyarakat (BKM) dari Sultan Kedah oleh Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong.
7	Haji Saidin bin Abdul Rahman	Pegawai Agama di Majlis Ugama Islam Negeri Sabah (MUIS). Pegawai Agama di Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS)	Jurulatih qari dan qariah di Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS) dan Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) tahun 1981.	
8	Haji Nordin bin Idris	Bilal Masjid Muhammadi, Kota Bharu tahun 1978 hingga 2005. Bilal Masjid Mahmudi Bachok pada tahun 2006 .	Guru tajwid. Panel Kursus Tahsin Negeri Kelantan. Hakim tilawah negeri Kelantan.	Anugerah Pingat Ahli Kelantan (AK) pada tahun 1987.
9	Haji Muhammad Yusuf	Guru di SMK Kemumin, Pengkalan Chepa.	Jurulatih Peserta qari dan qariah Negeri Kelantan tahun 2003. Panel kursus pengendalian hakim-	Pingat Ahli Mangku Negara (AMN) oleh Yang di-Pertuan

		<p>Guru di SMK Falahiyyah pada tahun 2000.</p> <p>Guru di SMK Long Ghafar pada tahun 2004.</p> <p>Guru di SMK Putera, Kota Bharu pada tahun 2005.</p>	<p>hakim tilawah al-Quran pada tahun 1992.</p> <p>Hakim Tilawah Negeri Kelantan tahun 1992.</p> <p>Panel kursus tahsin Negeri Kelantan tahun 2003.</p> <p>Qari Jemputan di Majlis Muzakarah antara Ulama' Seluruh Dunia di Istana Raja Hassan, Maghribi 1995 dan pada tahun 1996 di Cape Town Afrika Selatan.</p> <p>Hakim Musabaqah Mahasiswa Universiti Alighat dari India pada tahun 1994.</p> <p>Hakim Majlis Tilawah al-Quran peringkat sekolah-sekolah di Malaysia pada tahun 1992.</p>	<p>Agong, Seri Paduka Baginda, Sultan Azlan Shah</p>
10	Haji Abdul Rahim Ahmad	<p>Bilal di Masjid As-Salam di Pengkalan Chepa tahun 1980-an</p> <p>Bilal di Masjid Muhammadi Kota Bharu tahun 1990-an.</p> <p>Bilal di Masjid Sultan Ismail Petra, Kubang Kerian tahun 2000-an.</p>	<p>Panel kursus tahsin Negeri Kelantan 2007 hingga 2017.</p> <p>Panel Kursus Tahsin Negeri, Kebangsaan Thailand pada tahun 2007 sehingga 2017.</p> <p>Jurulatih peserta qari dan qariah Antarabangsa 2011 hingga 2017.</p> <p>Karyawan Tamu UKM dalam bidang tarannum tahun 2010.</p> <p>Hakim Tilawah Negeri tahun 1996 hingga 2017 , Kebangsaan Malaysia.</p> <p>Hakim Tilawah dan Hafazan Kebangsaan Maldives tahun 2010.</p>	<p>Pingat Jasa Bakti (JB) dan Pingat Kesatriaian Mangku Negara (KMN) oleh Yang Dipertua Agong pada tahun 1995.</p>

4. Kesimpulan

Rumusan daripada kajian ini menghuraikan biografi sepuluh qari yang memenangi pertandingan tilawah al-Quran peringkat Antarabangsa dari tahun 1961 hingga 1995. Sumbangan mereka dalam bidang tarannum al-Quran di Malaysia ialah jurulatih peserta tilawah, panel kursus-kursus *tahsin*, fasilitator bengkel al-Quran, penceramah bengkel pemantapan tarannum, pakar rujuk bidang tarannum, pengkuliah al-Quran, hakim pertandingan tilawah, karyawan tamu dalam bidang al-Quran, qari jemputan dalam dan luar negeri dan guru al-Quran Jabatan Agama Islam.

Manakala pengiktirafan yang diberikan kepada mereka ialah penghargaan Sheikhul al-Azhar berupa sebuah Mashaf berukiran, Pingat Ahli Kelantan (AK) oleh Sultan Kelantan, pingat Johan Setia Mahkota (JSM) dan Ahli Mangku Negara oleh Y.T.M. Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong, Pingat Setia Diraja Kedah (SDK) Perkhidmatan Setia Kedah (PSK), pingat Dato' Setia Diraja Kedah (DSDK), pingat Jasa Kebaktian (PJK) oleh Sultan Kedah dan Raja Perlis yang membawa gelaran Dato', Anugerah bintang Ahli Kelantan (AK), pingat Ahli Mangku Negara (AMN), Darjah Dato' Setia Diraja Kedah (SDK), Bintang Kebaktian Masyarakat (BKM) dari Sultan Kedah oleh Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong, Anugerah Pingat Ahli Kelantan (AK) pada tahun 1987, pingat Ahli Mangku Negara (AMN) oleh Yang di-Pertuan Agong, Seri Paduka Baginda, Sultan Azlan Shah, pingat Jasa Bakti (JB) dan Pingat Kesatriaian Mangku Negara (KMN) oleh Yang Dipertua Agong.

Justeru, sumbangan dan pengiktirafan tersebut membuktikan ketokohan mereka dalam bidang seni tarannum al-Quran di Malaysia telah diakui oleh kerajaan Malaysia, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

(JAKIM), Jabatan Agama Islam Negeri, Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta serta Negara luar sendiri.

Rujukan

- Ahmad Shafiq Mat Razali. 2015. *Bacaan Berlahjah Arabiyyah Dalam Kalangan Johan Qari Dan Qariah Peringkat Kebangsaan Malaysia*. Tesis Sarjana. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- al-Hafiz Abu al-Khair, Muhammad bin Muhammad bin Muhammad bin Ali bin Yusuf al-Dimashiqi Ibn al-Jazari. 1421/2000. *Tayyibah al-Nasyr fi al-Qira'at al-Asyr*. Madinah: Maktabah Dar al-Huda.
- al-Jazari. Muhammad bin Muhammad Bin Yusuf. 1977. *Munjab al-Muqricin Wa Murshid al-Talibin*. Tahqiq: Abd. al-Hayy al-Farmawi. Kaherah: Maktabah al-Jumhuriyah Misr.
- Arkib Berita Mstar.Com. 2010. *Imbuan Kepada Johan Qari Dan Qariah Suatu Penghargaan*. Sabtu, 06 Februari 2010.
- Ermy Azziaty & Mohd Samsuddin. 2005. *Ketokohan Tuan Guru Haji Ahmad Ma'sum Pergau dan Sumbangannya dalam Pengajian al-Quran di Kelantan dan Terengganu*. Prosiding Nadwah Ulama' Nusantara III.
- Ibn Jazari. Muhammad bin Muhammad al-Damshiqi. T.th. *al-Nahsr Fi al-Qira'at al-Asyar*. Beirut: Darul al-Kutub al-Ilmiah.
- Ibn Jazari. Muhammad bin Muhammad bin Yusuf T.th. *al-Nashr Fi al-Qira'at al-Asyar*. Mesir: Dar al-Fikr Li al-Tiba'ah Wa al-Nashr Wa al-Tawzi'.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). 2007. *Johan Qari dan Qariah Malaysia, Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Kebangsaan & Antarabangsa 1379H/1960M – 1427H/2006M*. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- JAKIM. 2003. *Sejarah Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Kebangsaan dan Antarabangsa*. Kuala Lumpur : JAKIM.
- JAKIM. 2008. *50 Tahun Tilawah al-Quran di Malaysia*. Kuala Lumpur : Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- JAKIM. 2009. *Laporan Tahunan JAKIM 2009*. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- JAKIM. 2012. *Jakim 4 Dekad. Memacu Transformasi Pengurusan Hal Ehwal Islam*. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- JAKIM. T.th. *Peraturan Tilawah al-Quran Malaysia*. Cet. Nik Daud Sdn. Bhd.
- Khalis 'Isa. 2011. Tan Sri Dato' Haji Hassan Azhari: *Sumbangannya Dalam Ilmu Tarannum al-Quran di Malaysia*. Disertasi Sarjana. Jabatan al-Quran dan al-Hadith. Kuala Lumpur: Akademik Pengajian Islam. Universiti Malaya.
- Mohammad Haji Yusoff. 1992. *Pengajian al-Quran Berlagu Di Kelantan, Sejarah Dan Perkembangannya*. Jabatan Pengajian al-Quran dan al-Sunnah. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Shafiq Mat Razali, Wan Fakhru Razi Wan Mohamad, Wan Hilmi Wan Abdullah, Wan Nasyrudin Wan Abdullah. 2016. Sejarah Tokoh Tarannum di Malaysia. *5th International Research Management & Innovation Conference (5thirmic 2018)* Palm Garden Hotel, Putrajaya 7 August 2018.
- Wan Fakhru Razi Wan Mohamad. 2008. *Haji Ahmad Bin Mat Som Pergau Dan Sumbangannya Dalam Pengajian Tarannum Di Kelantan*. Disertasi Sarjana. Kuala Lumpur: Univerisiti Malaya.
- Wan Hilmi Wan Abdullah. 2014. *Pengaruh Tarannum Qari-Qari Mesir Terhadap Qari-Qari Di Malaysia*. Tesis Sarjana. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Wan Hilmi Wan Abdullah, Hamdi Ishak & Sabri Mohamad. 2019. Karya-Karya Seni Tarannum dalam Bahasa Arab. *International Journal of Islamic Thought*. Vol. 16: (Dec.) 2019. Issue 1. Pages. 122-133.
- Wan Hilmi Wan Abdullah, Ahamad Asmadi Sakat, 11 Sabri Mohamad and Ezad Azraai Jamsari. 2014. Meaning Based Tarannum: Preliminary Research on Uslub qira'ah of Sheikh Muhammad Rif'at (1880-1950). *Middle-East Journal of Scientific Research* 20 (12): 2172-2176.